

SOALAN LAZIM (FAQ)

PROGRAM PEMBAHARUAN TEKSI MADANI NASIONAL

I. BUTIRAN UMUM

BIL.	PERKARA	PENJELASAN
1.	Apakah Itu Program Pembaharuan Teksi MADANI Nasional?	• Satu program hasil kerjasama antara Kementerian Pengangkutan (MOT) dan PROTON yang bertujuan untuk memodenkan serta menjenamakan semula industri perkhidmatan teksi di Malaysia melalui penggunaan model kenderaan nasional yang lebih moden dalam perkhidmatan teksi.
2.	Siapakah Yang Layak Menyertai Program Teksi MADANI Nasional?	Kriteria kelayakan semasa bagi menyertai program Teksi MADANI Nasional: • Pengusaha / pemandu teksi individu sahaja • Mempunyai Lesen Memandu dan PSV yang sah dan aktif • Mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan yang aktif • Syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh APAD Mereka yang tidak layak menyertai Program Teksi MADANI Nasional: • Syarikat Teksi • Entiti Korporat
3.	Apakah Kenderaan Yang Ditawarkan?	• Kenderaan yang diluluskan di bawah Program Pembaharuan Teksi MADANI Nasional ialah Proton S70. • Untuk maklumat lanjut, sila imbas kod QR berikut: <u>E-Brochure Proton S70</u> 

BIL.	PERKARA	PENJELASAN
4.	Apakah Sokongan / Keistimewaan Yang Diberikan Kepada Pemandu Teksi Di Bawah Program Pembaharuan Teksi MADANI Nasional?	Pemandu Teksi di bawah Program Pembaharuan Teksi MADANI Nasional menerima sokongan khusus seperti berikut: ● Kementerian Kewangan Malaysia - Pengecualian 100% Duti Eksais - Pengecualian 100% Cukai Jalan ● Kementerian Pengangkutan Malaysia - Perubahan dasar dan spesifikasi rupa bentuk teksi. - Pengecualian item-item terpilih bagi pemeriksaan kenderaan teksi di PUSPAKOM dan Badan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Motor (PPKM) berlesen. - Penstrukturan semula tambang Pembaharuan Teksi MADANI. - Nombor Plat Khas JPJePlate beserta nombor pendaftaran khas "GET". Selain itu, keistimewaan program pembaharuan teksi MADANI nasional termasuklah: ● Meter Teksi Digital – Sistem digital moden menggantikan meter konvensional (analog). ● Tiada Taxi Topper – Reka bentuk kenderaan lebih kemas tanpa papan tanda bumbung. ● Pengurangan Keperluan Pemeriksaan – Pengecualian daripada keperluan tertentu di bawah JPJ & PUSPAKOM. ● Sokongan PROTON – Rebat khas dan sokongan pembelian melalui pakej pembiayaan. ● Konsep Teksi Dimodenkan – Selaras dengan standard Perkhidmatan E-Hailing.
5.	Di Manakah Kawasan Operasi Bagi Perkhidmatan Program Pembaharuan Teksi MADANI Nasional?	● Kawasan operasi bagi perkhidmatan teksi di bawah Program Pembaharuan Teksi MADANI Nasional adalah di Lembah Klang, Pulau Pinang (Pulau Sahaja) dan Johor Bahru. ● Program ini juga akan turut dibuka kepada kereta sewa.
6.	Adakah Kadar Tambang Perkhidmatan Teksi MADANI Dikawal Selia Oleh APAD?	● Ya, kadar tambang perkhidmatan teksi MADANI adalah dikawal selia oleh APAD dengan kelulusan khas MOT.

BIL.	PERKARA	PENJELASAN
7.	Apakah Kadar Tambang Yang Digunakan Bagi Perkhidmatan Teksi Di Bawah Program Pembaharuan Teksi MADANI Nasional?	Kadar tambang yang diguna pakai adalah seperti berikut: • RM4.00 bagi KM pertama atau sebahagian, • RM0.35 setiap 200 Meter, atau • RM0.35 setiap 36 saat
8.	Siapakah Yang Boleh Dihubungi Bagi Urusan Pelesenan Program Pembaharuan Teksi MADANI di APAD?	Pemohon boleh menghubungi Hotline APAD di talian 03-2602 5060 dan memilih Urusan 1 – Pertanyaan Urusan Pelesenan
9.	Siapakah Yang Boleh Dihubungi Bagi Pertanyaan Berkaitan Sistem iSPKP di APAD?	Pemohon boleh menghubungi Hotline APAD di talian 03-2602 5060 dan memilih Urusan 2 – Bantuan Teknikal Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (iSPKP)
10.	Siapakah Yang Boleh Dihubungi Bagi Pertanyaan Berkaitan Isu-Isu Lain Berhubung Program Pembaharuan Teksi MADANI di APAD?	Pemohon boleh menghubungi Hotline APAD di talian 03-2602 5060 dan memilih Urusan 5 – Operasi Pengangkutan Awam Darat dan Pilih 3 – Teksi & E-Hailing
11.	Pegawai Perhubungan (PIC) Bagi Bantuan Lanjut di JPJ	Pertanyaan berkaitan bidang kuasa JPJ: 1. Nama: Zainulikmal bin Ishak No. Telefon: 03-88928823 Alamat Emel: cta.online@jpi.gov.my
12.	Pegawai Perhubungan (PIC) bagi Program Pembaharuan Teksi MADANI Nasional di PROTON	Untuk sebarang pertanyaan lanjut berkenaan pembelian teksi Program Pembaharuan Teksi MADANI Nasional ini, sila berhubung dengan pegawai berikut: 1. Nama: Mogan A/L Periyaswamy (Moses) No. Telefon: +60 16 602 1721 Emel: moganp@proton.com 2. Nama: Anas Safiddin bin Abdullah No. Telefon: +60 12 373 9294 Emel: safida@proton.com 3. Nama: Muhammad Redzuan bin Roslee No. Telefon: +60 11 1066 7076 Emel: redzuao@proton.com

II. PENYELARASAN PEMBIAYAAN OLEH PIHAK PROTON

BIL.	PERKARA	PENJELASAN
1.	Pembiayaan	Semua pertanyaan berkenaan pembiayaan dirujuk kepada pihak TRAS (EON) melalui emel contactus@tras.my.
2.	Dokumen Yang Diperlukan (Bagi Permohonan Pembiayaan Sewa-Beli)	Pemohon: - Salinan kad pengenalan - Salinan lesen memandu yang sah - Salinan PSV yang sah - Penyata simpanan bank bagi tempoh 6 bulan terkini - Kad pencen (sekiranya ada) Penjamin (jika perlu) – - Salinan kad pengenalan isteri atau anak (sekiranya diperlukan oleh bank) - Salinan slip gaji 3 bulan terkini milik Penjamin - Penyata simpanan bank bagi tempoh 3 bulan terkini (Milik Penjamin)

III. PERMOHONAN PELESENAN PROGRAM PEMBAHARUAN TEKSI MADANI NASIONAL DI BAWAH APAD

BIL.	PERKARA	PENJELASAN
1.	Apakah Itu Lesen Pengendali (OL)?	• OL ialah lesen pengendali yang dikeluarkan oleh APAD kepada pemilik teksi bagi menjalankan perkhidmatan secara sah di seluruh Semenanjung Malaysia untuk tempoh satu (1) hingga lima (5) tahun maksima.
2.	Apakah Itu Surat Tawaran Kelulusan (STK)?	• Surat Tawaran Kelulusan (STK) APAD ialah dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh APAD kepada pemohon yang berjaya bagi meluluskan permit kenderaan perdagangan (seperti teksi, bas, atau lori). • Ia adalah surat tawaran bersyarat yang mewajibkan pemohon melesenkan kenderaan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan sebelum Surat Kelulusan (Lesen) penuh dikeluarkan.
3.	Siapakah Yang Bertanggungjawab Untuk Mengeluarkan Lesen Pengendali?	Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)
4.	Apakah Jenis Model Kenderaan Yang Harus Dilesenkan?	• Buat masa sekarang, model kenderaan yang boleh dilesenkan adalah terhad kepada Proton S70 yang ditawarkan di bawah program ini. • Bagi pemohon yang telah mempunyai kenderaan sedia ada atau tidak berjaya mendapat kelulusan pembiayaan pinjaman sewa beli di bawah program Teksi MADANI, pemohon masih dibenarkan untuk melesen atau menukar kenderaan selain daripada model Proton S70 Teksi MADANI. • Syarat-syarat pelaksanaan pertukaran hak milik kenderaan adalah tertakluk kepada Garis Panduan Jabatan Kastam Diraja Malaysia berkaitan pengecualian duti eksais dan cukai jualan.

BIL.	PERKARA	PENJELASAN
5.	Apakah Syarat-Syarat Permohonan Program Pembaharuan Teksi MADANI Nasional?	Syarat-syarat yang wajib dipatuhi bagi permohonan program pembaharuan teksi MADANI nasional: • Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan aktif. • Mempunyai Lesen Memandu Vokasional (<i>PSV Licence</i>) yang aktif. • Perlu melesenkan kenderaan Proton S70 di bawah program pembaharuan teksi MADANI nasional. • Menggunakan warna Ruby Red dan nombor pendaftaran "GETXXX" sahaja, tertakluk kepada pematuhan syarat khas yang lain. • Tertakluk kepada pengecualian dalam program pembaharuan teksi MADANI nasional dan kelulusan pembiayaan oleh panel bank yang dilantik PROTON. • Kelulusan permohonan permit juga adalah tertakluk kepada kelulusan pembiayaan kewangan bagi pembelian pakej teksi model Proton S70 di bawah program ini oleh badan atau institusi kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
6.	Bagaimana Cara Untuk Memohon Permohonan Baharu Teksi Melalui Sistem iSPKP?	• Log masuk ke Sistem iSPKP menggunakan ID pengguna dan kata laluan yang berdaftar. • Pilih menu Pelesenan dan klik Permohonan Baharu. • Pilih kategori Teksi dan lengkapkan maklumat yang diperlukan. • Muat naik dokumen sokongan yang ditetapkan. • Semak semula maklumat permohonan dan hantar permohonan untuk diproses oleh APAD. • Semak status permohonan melalui Sistem iSPKP dari semasa ke semasa sehingga keputusan dikeluarkan oleh APAD.

BIL.	PERKARA	PENJELASAN
7.	Bagaimana Cara Untuk Memohon Penggantian Kenderaan Melalui Sistem iSPKP?	• Log masuk ke Sistem iSPKP. • Pilih menu Pelesenan dan klik Penggantian Kenderaan atau Ubah Syarat. • Masukkan maklumat kenderaan baharu yang akan menggantikan kenderaan sedia ada. • Muat naik dokumen sokongan yang diperlukan. • Semak semula maklumat permohonan dan hantar untuk diproses oleh APAD. • Semak status permohonan melalui Sistem iSPKP sehingga keputusan dikeluarkan oleh APAD.
8.	Berapakah Kos Bayaran Pendaftaran / Permohonan?	• Permohonan baharu – RM10 bagi setiap permohonan permit. • RM50 / 1 permit • RM30 / Lesen Pengendali (Jika baru) • RM10 /1 Tahun (Teksi, Kereta Sewa) • RM10 / Lampiran A
9.	Berapa Lamakah Tempoh Menunggu Kelulusan Permohonan Baru & Melesenkan (Spek.) Kenderaan?	• Permohonan baharu: 14 hari bekerja • Melesenkan kenderaan (spek.): 7 hari bekerja